

11 JUL 1998

Mahathir-LRT

DR MAHATHIR LANCAR SISTEM PERTAMA LRT

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pelancaran sistem rel transit ringan (LRT) STAR, yang merupakan Sistem 1 daripada sistem LRT bersepadu di Lembah Klang.

Pelancaran berlangsung di Stesen Sukan Negara di Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Sistem 1 dikendalikan oleh Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR), yang memulakan perkhidmatan pada 16 Dis 1996. Sejak itu, ia telah membawa 30 juta pengguna.

Fasa Satu Sistem 1 STAR-LRT meliputi 13 stesen dalam laluan 12 km itu antara Stesen Ampang dan Stesen Jalan Sultan Ismail.

Fasa Dua merupakan sambungan sejauh 15 km daripada Fasa Satu, meliputi dua seksyen -- A dan B. Seksyen A meliputi sambungan 11.8 km ke selatan Stesen Chan Sow Lin ke Stesen Komanwel manakala Seksyen B adalah sambungan 3.2 km ke utara Stesen Sultan Ismail ke Stesen Sentul Timur.

Dr Mahathir juga memandu sebuah tren LRT ke upacara perasmian Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil malam ini.

Perdana Menteri bersama Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berlepas ke Stesen Sukan Negara dari Stesen Sultan Ismail pada 8.20 malam.

Setibanya di Stesen Sungai Besi yang merupakan stesen terakhir sebelum Stesen Sukan Negara, Dr Mahathir mengambil tugas memandu tren itu.

Selepas melancarkan rangkaian STAR-LRT di Stesen Sukan Negara pada 8.50 malam, Perdana Menteri merasmikan pula "Enviro 2000", teksi NGV (kenderaan gas asli) yang dimajukan oleh Petronas.

Dr Mahathir kemudian menyaksikan penyerahan teksi itu oleh Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin kepada Pengerusi SUKOM Ninety Eight Bhd Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Sebagai sebahagian daripada sumbangannya kepada Sukan Komanwel ke 16 di Kuala Lumpur, Petronas menaja 400 teksi NGV untuk kegunaan sepanjang temasya sukan itu.

Pada pelancaran sistem STAR-LRT sebelum itu, Pengerusi STAR Tan Sri Sallehuddin Mohamed, berkata syarikat itu berjaya menyiapkan projek berharga RM3.5 bilion itu dalam tempoh ditetapkan iaitu 30 bulan.

Sistem STAR-LRT merupakan pengangkutan awam utama ke Kompleks Sukan Negara. Ia mampu membawa 24,000 penumpang setiap jam ke Bukit Jalil.

-- BERNAMA

MK MSL MAI